

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 PENDAHULUAN

Dalam penyelidikan ini terdapat dua kategori data yang diperlukan iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder diperolehi melalui kajian perpustakaan manakala data primer diperolehi melalui kerja lapangan. Data sekunder di dalam kajian ini penting terutamanya untuk mendapat kerangka penyelidikan. Setelah gambaran yang jelas diperolehi tentang apa yang perlu dilakukan, kerja-kerja lapangan akan dijalankan. Sehubungan dengan ini, lima jajahan yang telah dikenalpasti terlibat dengan perusahaan batik iaitu Jajahan Kota Bharu, Jajahan Tumpat, Jajahan Bachok, Jajahan Pasir Mas dan Jajahan Pasir Puteh akan dilawati oleh penyelidik.

Untuk mendapatkan maklumat utama dari data primer borang soal selidik digunakan. Kelompok yang menjadi tumpuan ialah pengusaha, pekerja dan pengguna. Sementara maklumat daripada pegawai-pegawai kerajaan, swasta dan individu yang berpengalaman luas di dalam bidang pembuatan batik diperolehi melalui temubual. Selain daripada itu, pengamatan atau pemerhatian juga dilakukan untuk melengkapkan sesetengah maklumat. Dengan ini, kedua-dua bentuk data tersebut (sekunder dan primer) akan saling melengkapi.

3.2 PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Penyelidikan perpustakaan dilakukan sebelum kerja-kerja lapangan dimulakan. Melalui penyelidikan perpustakaan, data sekunder diperolehi antaranya melalui sumber konvensional termasuklah melalui buku, laporan, penyelidikan lalu, jurnal dan majalah.

Dalam memperlengkapkan lagi maklumat data sekunder, sesi lawatan telah dilakukan ke beberapa buah agensi kerajaan yang terlibat dengan perusahaan batik. Antara agensi kerajaan yang terlibat termasuklah Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja. Selain itu, lawatan juga dilakukan ke Persatuan Pembatik Kelantan dan Koperasi Pembatik Kelantan. Lawatan ke tempat-tempat ini penting untuk mendapatkan maklumat tentang batik yang telah dikumpul di tempat mereka.

Memandangkan batik juga merupakan sebahagian dari bahan budaya sesuatu bangsa, lawatan ke muzium turut dilakukan. Dua buah muzium yang dilawati ialah Muzium Negeri Kelantan dan Muzium Negeri Terengganu. Kedua-dua muzium ini banyak menyimpan maklumat tentang perkembangan batik di negeri Kelantan dan Terengganu. Setelah semua maklumat diperolehi, pembinaan borang soal selidik terus dimulakan. Seterusnya persiapan untuk kerja-kerja lapangan dimulakan.

3.3 KERJA LAPANGAN

Kerja-kerja lapangan dilakukan bermula dengan pembinaan soal-selidik dan penentuan responden. Seterusnya analisis daripada penemuan itu dijadikan asas kepada penulisan bab-bab penemuan dan cadangan. Tajuk-tajuk kecil berikut menerangkan dengan terperinci metodologi yang digunakan.

3.3.1 Pembinaan Soalan Soalselidik

Dalam mendapatkan maklumat, setiap responden yang terlibat dalam kajian ini telah dikunjungi. Satu set borang soalselidik diberikan kepada responden. Responden akan

diberi penerangan bagaimana cara mengisi borang berkenaan. Untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah tepat, penyelidik akan bertanya kepada responden sama ada beliau ingin mengisi borang berkenaan atau penyelidik yang akan mengisi bagi pihak responden berpandukan kepada jawapan yang akan diberikan.

Memandangkan tumpuan utama kajian ialah terhadap pengusaha batik, soalan yang dikemukakan kepada pengusaha agak mendalam. Soalan untuk pengusaha di dalam borang soal selidik dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu latar belakang pengusaha, operasi, modal dan pemasaran. Hampir keseluruhan soalan yang dikemukakan dalam borang soalselidik merupakan soalan tertutup. Namun begitu, terdapat juga beberapa soalan yang terpaksa dikemukakan dalam bentuk terbuka.

Kecanggihan teknologi dan bahan mentah yang berkualiti belum tentu menjamin keluaran batik yang berkualiti sekiranya buruh yang terlibat tidak berkualiti. Sehubungan dengan ini, satu bahagian khusus soalan soalselidik telah disediakan untuk golongan pekerja. Soalan untuk golongan pekerja lebih tertumpu kepada kemahiran yang dimiliki dan latar belakang pencapaian akademik. Kedua-dua bahagian ini penting kerana ia merupakan penentu kualiti seseorang buruh. Buruh yang terlibat dengan kajian ini adalah buruh dari bahagian melukis atau pereka corak. Bahagian ini dipilih kerana untuk melakukan kerja di bahagian ini kemahiran tertentu diperlukan. Bahagian ini merupakan bahagian yang paling sukar untuk mendapat pekerja yang betul-betul berkelayakan. Borang soalselidik pengusaha dan pekerja terdapat di dalam Lampiran 1.

Sementara bagi pengguna, sama ada pengguna tempatan atau pengguna di luar dari Kelantan, soalan lebih tertumpu kepada citarasa pengguna terutamanya mengapa mereka

memilih kain batik. Selain dari itu, pengguna juga ditanya apakah perubahan yang mereka harapkan untuk menjadikan batik lebih menarik atau berdaya saing. Borang soal selidik pengguna terdapat di dalam Lampiran 2.

3.3.2 Pra-ujian (Kajian Perintis)

Praujian telah dilakukan ke atas 10 orang pengusaha batik dan 10 orang pengguna. Pengusaha batik yang dipilih sebagai responden merupakan pengusaha yang terdapat di sepanjang Jalan Pantai Chaya Bulan. Manakala 10 orang pengguna pula dipilih secara rambang di Pasar Besar Siti Khadijah.

Setelah praujian dilakukan, sedikit pembetulan telah dilakukan ke atas borang soalselidik yang asal. Pembetulan yang dilakukan ialah terhadap ayat-ayat di dalam soalselidik untuk menjadikannya lebih mudah difahami. Dari sudut struktur soalselidik tiada sebarang perubahan yang dibuat. Melalui praujian ini juga telah dapat dirancang jangkamasa yang perlu diambil untuk menyiapkan keseluruhan borang soalselidik.

3.3.3 Persampelan

Untuk mendapatkan senarai nama pengusaha batik dari badan-badan yang terlibat dengan perusahaan batik, pelbagai kesukaran terpaksa dihadapi. Agak sukar bagi keseluruhan badan yang terlibat untuk menyerahkan senarai nama pengusaha yang ada dalam simpanan masing-masing kecuali Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia (LKKM). Senarai nama yang diperolehi dari LKKM merupakan senarai nama pengusaha batik yang didasarkan kepada bancian yang telah mereka lakukan sebelumnya. Bagi badan-badan lain mungkin mereka mempunyai alasannya yang tersendiri sebagai langkah berjaga-jaga sebelum melepaskan senarai nama berkenaan.

Setelah seluruh senarai nama diperolehi, didapati jumlah pembatik yang menjadi ahli Persatuan Pembatik Kelantan, hanyalah seramai 206 orang. Manakala ahli Koperasi Pembatik Kelantan yang dianggap aktif pula ialah seramai 64 orang pengusaha. Menerusi bancian, senarai nama pembatik yang diperolehi oleh Lembaga Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan ialah seramai 262 orang. Sementara pembatik yang mendaftar dengan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja untuk mengimport kain putih ialah seramai 119 orang. (Rujuk Jadual 3.1)

Jadual 3.1: Bilangan Pengusaha Batik Yang Terlibat Dengan Perusahaan Batik

Badan yang terlibat	Jumlah Pembatik	Peratus
Persatuan Pembatik Kelantan	206	31.64
Koperasi Pembatik Kelantan	64	9.83
Pusat Pembangunan Kraft	262	40.24
Jabatan Kastam	119	18.27
Jumlah	651	100

Sumber: Kajian Sampel

Senarai nama dari keempat-empat badan ini telah disatukan untuk dijadikan senarai nama induk. Hasil dari penyatuan ini, didapati terdapat banyak pertindihan nama antara satu badan dengan badan yang lain. Ini menunjukkan ramai di kalangan pengusaha batik yang mendaftarkan diri dengan badan-badan tertentu berdasarkan kepada kepentingan tertentu. Contohnya pengusaha batik yang mendaftarkan diri sebagai ahli kepada Persatuan Pembatik Kelantan, juga akan mendaftarkan diri dengan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja. Tujuannya, selain dari ingin memperolehi kemudahan sebagai ahli persatuan, pengusaha juga memerlukan kemudahan mengimport kain putih dari luar negara. Pengusaha yang sama juga mungkin akan mendaftarkan diri sebagai ahli kepada Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia kerana mereka juga memerlukan beberapa kemudahan yang disediakan oleh badan tersebut. Setelah nama-nama disenaraikan, nama yang bertindan disisih, bilangan yang telah berjaya diperolehi ialah seramai 438

pengusaha. Maklumat utama yang diperlukan untuk penyelidikan ini diperolehi melalui kaedah soalselidik. Borang soalselidik yang lengkap telah diberikan kepada:

a. Pengusaha

Pengusaha merupakan komponen utama dalam penyelidikan ini. Nama-nama pengusaha yang digunapakai di dalam penyelidikan ini merupakan pengusaha yang masih beroperasi. Bagi pengusaha yang telah berhenti operasinya, nama mereka tidak diambilkira untuk tujuan kajian ini.*

Berdasarkan senarai nama pengusaha yang terlibat di dalam kajian ini, ia mewakili lima (5) jajahan di negeri Kelantan. Jajahan berkenaan ialah Jajahan Kota Bharu, Jajahan Tumpat, Jajahan Bachok, Jajahan Pasir Mas, dan Jajahan Pasir Puteh. Antara kelima-lima jajahan ini, Jajahan Kota Bharu merupakan jajahan yang paling ramai terdapat pengusaha batik. Jumlahnya ialah seramai 385 orang pengusaha. Ia diikuti dengan Jajahan Tumpat seramai 31 orang pengusaha, Jajahan Bachok seramai 12 orang pengusaha, Jajahan Pasir Mas seramai 9 orang pengusaha, dan Jajahan Pasir Puteh seramai seorang pengusaha. Keadaan ini digambarkan oleh Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Taburan Pengusaha Batik di Kelantan

Jajahan	Bilangan Pengusaha	Peratus
Kota Bharu	385	87.90
Tumpat	31	7.08
Bachok	12	2.74
Pasir Mas	9	2.05
Pasir Puteh	1	0.23
Jumlah	438	100

Sumber: Kajian Sampel

Namun begitu, setelah soalselidik dijalankan, didapati hanya empat jajahan yang mempunyai pengusaha batik yang masih beroperasi. Taburannya yang sebenar adalah seperti Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3: Taburan Sebenar Pengusaha Batik

Jajahan	Bil. Pengusaha	Peratus
Kota Bharu	143	84.11
Tumpat	18	10.59
Bachok	3	1.76
Pasir Mas	6	3.53
Jumlah	170	100

Sumber: Kajian Sampel

Jadual 3.3 menunjukkan, Jajahan Kota Bharu masih merupakan kawasan yang paling banyak pengusaha batik iaitu seramai 143 orang pengusaha. Ia diikuti oleh Jajahan Tumpat seramai 18 orang pengusaha, Jajahan Pasir Mas seramai 6 orang dan Jajahan Bachok seramai 3 orang pengusaha. Di Jajahan Kota Bharu, kawasan tumpuan pengusaha batik ialah kawasan Jalan Pantai Cahaya Bulan iaitu seramai 94 orang pengusaha atau mewakili 65.73% pengusaha di Jajahan Kota Bharu. Ia juga mewakili sebanyak 55.29% dari jumlah keseluruhan pengusaha batik di negeri ini.

b Pekerja

Pekerja yang terlibat di dalam kajian adalah pekerja yang memerlukan kemahiran untuk melakukan kerja yang ditetapkan. Dengan ini, pekerja yang dipilih adalah pekerja dari bahagian melukis atau pereka corak. Memandangkan pelukis atau pereka corak merupakan bahagian yang penting dalam industri batik, pekerja di bahagian ini telah dipilih sebagai responden untuk kajian ini. Bilangan pekerja di dalam setiap perusahaan tidak ramai. Bagi pengusaha besar bilangannya, hanya disekitar 3 hingga 4 orang sahaja. Manakala pengusaha biasa (kecil) bilangannya hanya 1 atau 2 orang

sahaja. Untuk tujuan kajian ini, seorang pekerja akan ditemuduga bagi setiap pengusaha.

c. Pengguna Tempatan dan Pelancong di luar dari Kelantan

Jumlah pengguna yang terlibat dengan kajian ini ialah seramai 100 orang iaitu 50 orang pengguna tempatan dan 50 orang pengguna dari luar Kelantan. Untuk mendapatkan maklumat daripada pengguna, data diambil dari pengguna di bandar Kota Bharu. Ini kerana, tempat ini merupakan tempat tumpuan pengguna. Pengguna yang terlibat telah dipilih secara rawak. Hari yang dipilih ialah pada hari Sabtu dan Ahad. Hari Sabtu merupakan hari yang paling ramai pengguna tempatan keluar ke bandar Kota Bharu. Sementara hari Ahad pula merupakan hari yang paling ramai pelancong dari luar Kelantan yang melancong ke Kelantan.

Untuk mendapatkan maklumat, responden telah diberi satu set borang soalselidik untuk diisi. Sebelum mengisi borang, responden terlebih dahulu diberi penerangan kaedah mengisi borang serta kepentingan maklumat yang diberikan terhadap penyelidikan. Sekiranya responden memilih untuk tidak mengisi sendiri borang soalselidik yang disediakan, penyelidik akan membantu responden untuk mengisi maklumat yang diberikan oleh responden.

Daripada ketiga-tiga komponen di atas, penekanan yang lebih telah diberikan kepada pengusaha batik. Ini kerana pengusaha merupakan nadi utama kepada perusahaan ini. Namun begitu, dua komponen lain iaitu pekerja dan pengguna juga merupakan mereka yang bertanggungjawab secara langsung dan tidak langsung di dalam menentukan jatuh bangunnya industri batik. Selain daripada kaedah soalselidik,

temubual juga dibuat dengan berbagai pihak yang terlibat dengan industri ini. Mereka ini termasuklah pegawai kerajaan, swasta dan individu yang benar-benar berpengalaman di dalam industri ini.

3.3.4 Responden

Untuk memperolehi senarai nama pengusaha batik, beberapa badan terpaksa ditemui. Badan-badan ini merupakan pihak yang terlibat secara langsung dengan perusahaan batik di negeri Kelantan. Badan berkenaan ialah Persatuan Pembatik Kelantan, Koperasi Pembatik Kelantan, Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja.

Kempat-empat badan ini adalah badan yang bertanggungjawab secara langsung dengan perusahaan batik. Persatuan Pembatik Kelantan adalah badan induk yang mengumpulkan pengusaha-pengusaha batik yang ingin melakukan aktiviti secara berpersatuan. Koperasi Pembatik Kelantan berperanan untuk memberi kemudahan dalam bentuk penyediaan bahan mentah kepada ahli persatuan yang berdaftar. Tujuan utama penubuhan koperasi ialah untuk memastikan ahli persatuan mendapat bekalan bahan mentah yang diperlukan secara berterusan dengan harga yang berpatutan dan berkualiti.

Sementara itu, Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan pula memainkan peranan untuk memberi tunjuk ajar tentang pembuatan batik serta menyediakan beberapa kemudahan asas untuk pengusaha batik. Bagi pengusaha yang baru berkecimpung di dalam perusahaan ini, Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia mempelawa pengusaha berkenaan untuk memasuki program inkubatornya. Di bawah program ini pengusaha disediakan tapak kilang dengan segala kemudahan asas yang

diperlukan. Kadar sewa yang dikenakan kepada pengusaha adalah kadar minima. Pengusaha yang terlibat dibenarkan keluar dari program ini setelah diyakini mereka boleh berdikari. Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja pula merupakan badan kerajaan yang terlibat dengan perusahaan batik dalam bentuk pemberian permit mengimport kain putih dari luar negara.

Selain daripada senarai nama yang terdapat dari keempat-empat badan ini, mungkin masih terdapat juga nama-nama pengusaha batik di luar dari badan ini. Namun begitu, jumlahnya terlalu kecil. Alasannya ialah sekiranya nama yang diperolehi dari badan-badan seperti Persatuan Pembatik Kelantan, Koperasi Pembatik Kelantan dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja adalah berdasarkan kepada pengusaha yang mendaftarkan nama mereka dengan badan berkenaan untuk tujuan tertentu, namun begitu senarai nama yang diperolehi dari Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia adalah hasil dari bancian badan ini untuk mengetahui jumlah sebenar pengusaha batik yang masih aktif di negeri ini sehingga kini. Bancian yang dibuat oleh badan ini adalah dengan cara menghantar kakitangannya keseluruh pelusuk negeri ini untuk mendapatkan nama pengusaha yang masih beroperasi.

3.4 PEMROSESAN DATA

Penyelidik telah mengenalpasti empat (4) badan yang mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan perusahaan batik iaitu Persatuan Pembatik Kelantan, Koperasi Pembatik Kelantan, Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia (Cawangan Kelantan) dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja. Nama-nama yang diperolehi dari keempat-empat badan ini telah disusun serta disisih bagi mengelak dari berlaku pertindanan nama responden.

Hasilnya sejumlah responden telah dapat dikenalpasti. Data yang telah dikumpul diperoses dengan menggunakan perisian *SPSS*. Hasil daripada penemuan ini dibincangkan di dalam bab 4.

3.5 KESIMPULAN

Untuk memulakan kajian ini, masalah utama yang dihadapi ialah kekurangan data yang lengkap tentang pengusaha batik. Implikasi besar dari masalah yang dihadapi ialah kesukaran bagi pihak-pihak yang terlibat dengan perusahaan ini untuk membuat apa-apa keputusan untuk membantu perusahaan ini berkembang pesat. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak mampu menambahkan maklumat tentang perusahaan ini. Penambahan maklumat juga menjadikan kedudukan perusahaan ini lebih difahami dan seterusnya menyenangkan pihak-pihak tertentu untuk membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengan perusahaan ini pada masa depan.